PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR.
Tingkat 3, 5, & 6,
Blok B, Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan,
Pahang Darul Makmur.

Tel. : 09-512 6800
Fax. : 09-513 4839
Email : pkn@pahang.gov.my

#MajuTerusPahang #Pahang1st

Ruj. Kami : PERB.PHG.BPP 600-1/3/3 (24)

Tarikh : 28 Oktober 2026

SEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB

YB Dato' Sri/Sahibus Samahah Prof. Dato' Dr./YAA Dato'/YB Dato' Indera/
YH Tok Muda Dato'/YH Dato'/Tuan/Puan,

TARIKH PEMBAYARAN EMOLUMEN KERAJAAN NEGERI PAHANG TAHUN 2027

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita bersama ini dikemukakan tarikh pembayaran emolumen bagi tahun 2027 dan peraturan yang perlu dipatuhi oleh PTJ bagi memastikan tatacara pengurusan bayaran emolumen dapat dilaksanakan dengan tepat, betul dan emolumen dibayar mengikut tarikh yang ditetapkan. Tarikh pembayaran emolumen bulanan bagi tahun 2027 adalah seperti pada Lampiran A dan ditetapkan selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 105.

3. Semua PTJ bertanggungjawab mematuhi peraturan berikut:

3.1 Mengunci masuk Borang Perubahan Gaji (Kew.320 Pin. 1/2019) yang diterima dalam sistem dan dicetak untuk kelulusan di peringkat Akauntan Negeri berserta dokumen sokongan mengikut tarikh yang ditetapkan bagi tujuan naziran/audit.

3.2 Menyemak dan menyimpan Fail Induk Gaji dan laporan berkaitan gaji dalam sistem iSPEKS sebaik sahaja proses gaji selesai serta mengambil tindakan serta-merta untuk membuat pelarasan dan pembetulan jika perlu.

3.3 Kesilapan yang perlu dibetulkan dalam laporan Fail Induk Gaji termasuk perkara berikut:

(a) Butiran Peribadi,

(b) Nombor akaun bank , dan

(c) No rujukan : (i) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

ii) Cukai Pendapatan,

(iii) Pembiayaan Perumahan Kerajaan dan sebagainya.

3.4 Memastikan semua arahan bagi potongan emolumen adalah lengkap dan tepat dengan nama, no. kad pengenalan dan nombor rujukan potongan.

3.5 Memastikan semua pembayaran emolumen Pegawai Awam dibayar melalui sistem iSPEKS. Sekiranya terdapat keperluan pembayaran emolumen melalui Arahan Pembayaran bagi kes-kes tertentu, kebenaran dan kelulusan Akauntan Negeri hendaklah didapatkan terlebih dahulu.

3.6 Merujuk kepada bank masing-masing sekiranya terdapat penolakan gaji dan mengemaskini kew 320 pada bulan berikutnya. Sekiranya terdapat penahanan gaji, sila maklumkan pejabat Akauntan Negeri bagi tujuan sekatan penahanan gaji ke bank. Surat penahanan gaji hendaklah dihantar dalam tempoh 5 hari sebelum proses gaji dilakukan.

4. Semua PTJ hendaklah memastikan peraturan tersebut dipatuhi.

Kerjasama dan perhatian YB Dato' Sri/Sahibus Samahah Prof. Dato' Dr./YAA Dato'/YB Dato' Indera/YH Tok Muda Dato'/YH Dato'/ tuan/puan berhubung perkara tersebut amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(NOORISMA BINTI NOOR ADNAN C.A.(M))
Akauntan Negeri
b.p. Pegawai Kewangan Negeri
Pahang Darul Makmur

LAMPIRAN A

TARIKH PEMBAYARAN EMOLUMEN TAHUN 2027
KERAJAAN NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR

BULAN	TARIKH BAYARAN GAJI	HARI	CATATAN
JANUARI	25.01.2027	ISNIN	
FEBRUARI	25.02.2027	KHAMIS	Tahun Baharu Cina 6 & 7 Februari 2027 (Sabtu & Ahad)
MAC	25.03.2027	KHAMIS	Hari Raya Puasa 10 & 11 Mac 2027 (Rabu & Khamis)
APRIL	22.04.2027	KHAMIS	
MEI	12.05.2027	RABU	Hari Raya Haji 17 Mei 2027 (Isnin)
JUN	17.06.2027	KHAMIS	
JULAI	21.07.2027	RABU	
OGOS	25.08.2027	RABU	
SEPTEMBER	23.09.2027	KHAMIS	
OKTOBER	21.10.2027	KHAMIS	Hari Deepavali 28 Oktober 2027 (Khamis)
NOVEMBER	25.11.2027	KHAMIS	
DISEMBER	20.12.2027	ISNIN	Hari Krismas 25 Disember 2027 (Sabtu)

LAMPIRAN A

JADUAL KEMASUKAN DATA PERUBAHAN EMOLUMEN (KEW 320) TAHUN 2027
KERAJAAN NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR

BULAN	TARIKH BAYARAN GAJI	HARI	TARIKH KEMASUKAN DATA DI PTJ	
			MULA	AKHIR
JANUARI	25 .01.2027	ISNIN	04.01.2027	11.01.2027
FEBRUARI	25.02.2027	KHAMIS	25 .01.2027	10.02.2027
MAC	25.03.2027	KHAMIS	25.02.2027	09.03.2027
APRIL	22. 04.2027	KHAMIS	25.03.2027	07.04.2027
MEI	12.05.2027	RABU	22. 04.2027	03.05.2027
JUN	17.06.2027	KHAMIS	12.05.2027	03.06.2027
JULAI	21.07.2027	RABU	17.06.2027	06.07.2027
OGOS	25.08.2027	RABU	21.07.2027	09.08.2027
SEPTEMBER	23.09.2027	KHAMIS	25.08.2027	07.09.2027
OKTOBER	21.10.2027	KHAMIS	23.09.2027	06.10.2027
NOVEMBER	25.11.2027	KHAMIS	21.10.2027	10.11.2027
DISEMBER	20.12.2027	ISNIN	25.11.2027	06.12.2027

Nota 1 : Sijil Gaji Akhir hendaklah dicetak mulai tarikh kemasukan data di PTJ